

27/08/2003

Lelaki dicabar tambah bilangan ke IPT

SHAH ALAM: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar generasi muda lelaki negara meningkatkan penguasaan ilmu bagi menambah bilangan memasuki institusi pengajian tinggi (IPT), sekali gus mengimbangi nisbah jantina penuntut kepada 50:50.

Perdana Menteri berkata, nisbah 70:30 yang memihak kepada wanita ketika ini membuktikan wanita lebih jauh ke hadapan dalam agenda penguasaan ilmu.

Bagaimanapun, beliau memberi jaminan ia bukan bermakna jumlah pelajar wanita perlu dikurangkan.

"Saya masih tidak dapat terima kenapa dalam universiti dan IPT, penuntut wanita hampir 70 peratus.

"Wahai pemuda-pemuda Melayu, di mana duduk kamu. Kalau kamu betul-betul gagah berani, cuba cabar kaum wanita... mencabar dengan berlumba-lumba untuk menguasai ilmu.

"Carilah ilmu untuk masuk universiti. Kita mahu lihat universiti kita mempunyai 50 peratus wanita dan 50 peratus lelaki. Ia bukan dengan mengurangkan jumlah wanita tetapi dengan menambah jumlah penuntut lelaki. Saya cabar... saya cabar anak muda Melayu menyahut cabaran ini," katanya sambil disambut sorakan gemuruh ketika berucap di hadapan lebih 10,000 penuntut Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada majlis perasmian Festival Kemerdekaan (Feskem), di Stadium UiTM, di sini malam tadi.

Festival 10 hari itu dianjurkan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM. Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah.

Dr Mahathir turut merasmikan majlis pecah tanah secara virtual kampus kedua UiTM Shah Alam yang akan didirikan di tapak seluas 10,000 hektar di Puncak Alam, Kuala Selangor.

Perdana Menteri berkata, agenda penguasaan ilmu perlu diberi keutamaan kerana ia adalah kunci kemajuan sesebuah bangsa dan negara tanpa mengira jumlah penduduk.

"Hanya manusia yang berilmu akan mencapai kejayaan, manakala golongan tidak berilmu tidak mungkin menguasai keadaan persekitaran mereka. Bukan jumlah penduduk yang menentukan berjaya atau tidak sesebuah bangsa.

"Banyak negara yang penduduknya lebih ramai daripada penduduk Malaysia tetap tidak mencapai kejayaan sebab tidak mengutamakan penguasaan ilmu. Tidak kiralah 50 juta, 100 juta atau 300 juta penduduknya berbanding Malaysia yang hanya mempunyai kira-kira 25 juta, tetapi kita dapat buktikan bahawa jumlah kecil ini boleh maju lebih baik daripada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, langkah kerajaan memperuntukkan 26 peratus daripada keseluruhan bajet untuk sektor pendidikan membuktikan agenda penguasaan ilmu diberi keutamaan tertinggi.

Katanya, ia berbeza dengan negara lain yang membelanjakan di antara 20 hingga 25 peratus daripada bajet mereka untuk mengukuhkan pertahanan.

"Kita ada cara lain untuk menyelamatkan negara iaitu dengan cara tidak bermusuhan dengan orang lain. Persediaan kita ialah menjaga keamanan dalam negara untuk memastikan tidak berlaku rusuhan.

"Kita tidak perlu berbelanja banyak untuk pertahanan tetapi berbelanja untuk penguasaan ilmu. Pihak swasta juga turut mengeluarkan peruntukan besar untuk sektor pendidikan, termasuk IPT yang ditubuhkan badan milik kerajaan seperti Petronas, Tenaga Bagaimanapun, beliau kecewa dengan sikap

segelintir pelajar yang tidak memberi tumpuan kepada pelajaran apabila sudah diberi tempat di IPT kerana perbuatan itu mensia-siakan wang rakyat.